

Penglibatan Remaja terhadap Horoskop dan Kesannya terhadap Akidah

Involvement of Youth in Horoscope and Its Impact on Faith

AISHAH P OTHMAN
LATIFAH ABDUL MAJID

ABSTRAK

Artikel ini menjelaskan tentang horoskop iaitu salah satu cabang kepercayaan berunsur ramalan dan tilikan nasib berteraskan bintang yang menjadi fenomena dalam kehidupan masyarakat kini. Kepercayaan yang telah wujud sejak zaman Nabi Allah Ibrahim AS ini terus berkembang dan kekal hingga dewasa ini, bahkan kepercayaan sebegini mendapat tempat dan menjadi ikutan umat Islam yang dahagakan pulangan singkat dalam kehidupan. Objektif utama kajian ini ialah untuk mengenal pasti apakah faktor atau punca yang mendorong penglibatan pelajar dalam horoskop. Dalam masa yang sama kajian ini bertujuan untuk memberikan kesedaran kepada masyarakat Islam agar lebih peka dan sensitif dengan hal yang kelihatannya biasa tetapi mampu menggugat dan meruntuhkan institusi iman. Hasil kajian menunjukkan media massa merupakan faktor utama yang mendorong penglibatan pelajar dalam horoskop dan mereka menganggap horoskop sebagai hiburan sahaja tanpa menyedari akibatnya yang akan merosakkan akidah.

Kata kunci: Horoskop; remaja; akidah; faktor penglibatan; Muslim

ABSTRACT

This article describes the horoscope, which is one branch of beliefs involving prediction and fortune-looking based on star which became a phenomenon in the life of society nowadays. This belief that has existed since the time of Prophet Ibrahim AS continues to grow and remains to the day. The main objective of this study is to identify the factor or factors that leading the students to involve in the horoscope. In fact, the study is intended to provide awareness to the Muslim community to be more aware of and sensitive to this activity that seems normal but is able to undermine and demolish faith institutions. Result shows that the mass media is the main factor in students' involvement in their horoscope and it assumes the horoscope is for entertainment only, unaware of the consequences that would damage the faith.

Keywords: Horoscopes; youth; faith; participation of factors; Muslim

PENGENALAN

Horoskop merupakan suatu kepercayaan dan budaya yang menjadi ikutan masyarakat dunia berlatar belakang pelbagai agama dan bangsa sejak berabad lamanya, tidak terkecuali masyarakat Islam yang turut sama terlibat dalam dogma ini. Horoskop ialah gambarajah kedudukan planet dalam carta zodiak kelahiran seseorang mengikut waktu dan tempat yang khusus serta dianggap sebagai rangka kehidupan yang memberi petunjuk untuk memahami karakter seseorang, untung nasib, keupayaan, perhubungan, kecenderungan, minat semula jadi, kebolehan serta kehendak dalam mencapai matlamat. Ia juga dianggap sebagai suatu alat yang tepat untuk menentukan kehidupan, peristiwa-peristiwa dan perhubungan yang berlaku dalam alam semula jadi serta merupakan gambar rajah simbolik tentang tujuan kehidupan (Green 1975).

Budaya kehidupan hari ini yang penuh dengan tekanan dan pelbagai desakan menjadikan manusia

mencari jalan mudah bagi memperolehi sesuatu. Semakin ramai yang tenggelam dalam jalan pintas yang memberikan pulangan segera kerana kurangnya keyakinan terhadap caturan hidup yang telah ditentukan Allah. Manusia mula takut dengan dengan apa yang tidak dapat diketahui (Fox 1987: 146). Tiada lagi kesungguhan untuk bermunajat dan berdoa dengan tekun menanti jawapan pasti dan hakiki dari Rabb Izzati. Menularnya budaya horoskop dan ramalan nasib ini adalah kerana kurangnya pendedahan terhadap agama Islam atau kerana kejahilan orang Islam itu sendiri. Kejahilan menyebabkan berlakunya krisis akidah dalam kalangan umat Islam. Orang jahil menerima semua perkara sepenuhnya tanpa berfikir atau membuat pertimbangan terlebih dahulu sama ada benar atau tidak sesuatu itu selari dengan apa yang dituntut di dalam ajaran Islam (Berita Harian 2011). Sesetengah masyarakat atau individu pula tidak didekah dengan ilmu agama sejak kecil lagi menjadikan mereka tiada pengetahuan agama atau hanya mengetahui perkara atas sahaja lantaran mereka

mengambil mudah dan menghadam terus semua yang ditaburkan di hadapan mereka termasuklah ramalan horoskop tanpa menyedari bahayanya perkara ini terhadap iktikad dan akidah mereka.

Bahkan ada juga yang mengikuti perkembangan horoskop sebagai salah satu bentuk hiburan yang dibaca secara suka-suka, untuk menambah maklumat atau mengisi masa lapang (Allum 2011: 342) tanpa disedari permulaan tanpa niat ini boleh menjurus kepada suatu kesungguhan apabila ramalan yang dibaca bertepatan dengan kejadian yang dialami. Contohnya, anda kehilangan duit pada waktu pagi, dan pada waktu petang anda membaca ramalan horoskop yang menyatakan anda akan kehilangan sesuatu. Ketika itu tidak mungkinkah terdetik di hati bahawa ada juga kebenaran horoskop (Mohd Nidzam 2010: 98).

Isu horoskop tidak boleh dipandang remeh kerana ia merupakan virus yang diserap masuk dalam pemikiran umat Islam dan secara tidak langsung merosakkan akidah dan pengangan Islam. Akidah merupakan tunjang dalam diri setiap individu Muslim justeru, keteguhan dan keutuhan akidah terhadap Allah SWT adalah teras dalam kehidupan agar pengakhiran kehidupan kita mendapat husnul khatimah iaitu kemuncak kejayaan hakiki bagi setiap orang Islam. Kepercayaan dan keyakinan terhadap selain Rabb Izzati akan menjerumuskan kita ke lembah kesyirikan dan kekufturan dan menyebabkan kita terpisah jauh dari hidayah dan rahmat Allah SWT. Kepercayaan terhadap horoskop tiada bezanya dengan penafian terhadap kudrat dan kekuasaan Allah SWT kerana menyakini sesuatu selain daripada-Nya.

Kajian ini merupakan suatu kajian berbentuk tinjauan yang bertujuan untuk mengenal pasti faktor penglibatan pelajar terhadap horoskop. Selain itu, kajian ini juga bermatlamat mengupas kesan horoskop terhadap akidah. Kajian ini dijalankan di Sekolah Menengah Kebangsaan Kangkar Pulai, Johor dengan melibatkan pelajar Islam tingkatan empat. Soal selidik merupakan instrumen utama yang digunakan bagi mengumpul data kajian. kaedah persampelan rawak mudah telah digunakan bagi memilih 216 orang sampel daripada 300 orang populasi. Analisis kajian dijalankan dengan menggunakan perisian *statistical package for the social sciences (SPSS) for windows version 20.0*.

Oleh itu, kajian ini diharap dapat memberikan pencerahan dan pendedahan tentang horoskop kepada remaja Islam khususnya dan masyarakat Islam amnya agar masyarakat tidak lagi dibelenggu dan terpedaya dengan horoskop dan pelbagai bentuk ramalan dan tilikan yang hakikatnya menjaskankan iman dan

keyakinan kepada Allah SWT Seterusnya memelihara kesucian dan kemurnian Islam sebagai agama yang benar sepanjang zaman.

FAKTOR PENGLIBATAN REMAJA TERHADAP HOROSKOP

Media massa merupakan suatu kemudahan asas pada era ini yang menjadi sumber penting dalam kehidupan, tanpa media masyarakat sesebuah negara itu akan menjadi bisu dan pekak. Media juga menjadi penghubung antara negara dan benua yang dipisahkan oleh jarak beribu batu. Media massa dibahagikan kepada dua rangkaian iaitu media elektronik seperti televisyen, radio, internet dan media cetak seperti majalah, surat khabar dan buku.

Secara keseluruhannya, dapatan kajian ini menunjukkan majalah adalah faktor utama kepada pengetahuan responden terhadap horoskop dan majalah juga merupakan sumber bacaan utama responden berkaitan horoskop. Jadual 1 menunjukkan jumlah taburan data berkaitan sumber pengetahuan responden tentang horoskop dan sumber bacaan berkaitan horoskop:

JADUAL 1. Taburan Data Sumber Pengetahuan & Bacaan Responden Tentang Horoskop

Pengetahuan	Kekerapan	Peratusan
Rakan	43	13.8
Majalah	144	46.2
Internet	66	21.2
Keluarga	9	2.9
Televisyen	50	15.9
Jumlah	312	100
<hr/>		
Bacaan		
Majalah	153	55.6
Internet	65	23.6
Surat khabar	32	11.6
Lain-lain	25	10
Jumlah	275	100

Sumber: Noraishah P. Othman 2012

Ab Halim Tamuri (2005), menghuraikan bahawa majalah-majalah dalam pasaran memberi pengaruh besar dalam perkembangan dan kehidupan harian remaja. Malahan, majalah-majalah dilihat tidak memberikan sumbangan positif kepada perkembangan akhlak remaja. Majalah Remaja merupakan majalah yang paling digemari oleh responden dan di dalam majalah remaja terdapat ruangan khas berkaitan horoskop. Dapatkan temubual mengukuhkan lagi

kenyataan ini kerana sebahagian besar responden membaca tentang horoskop melalui majalah Remaja dan akhbar News Strait Time. Dapatkan ini juga selaras dengan kajian Ruzy Suliza Hashim pada tahun 2012 yang menunjukkan majalah Remaja, Utopia dan Ujang merupakan majalah kegemaran belia.

Selain itu, hasil daripada analisis kajian ini juga menunjukkan media elektronik iaitu internet merupakan penyumbang kedua terhadap penglibatan responden terhadap horoskop dengan wujudnya lambakan laman sesawang berunsur ramalan dan tilikan nasib dengan pelbagai aplikasi dan persembahan tanpa sempadan membolehkan sesiapa sahaja melayarinya dengan sewenang-wenangnya. Tambahan pula, 70% daripada kediaman responden dilengkapi dengan kemudahan internet dan terdapat juga responden yang menggunakan perkhidmatan *cyber cafe* bagi melayari internet. Majoriti responden, gemar menghabiskan masa dengan melayari laman sosial diikuti dengan laman hiburan. Laman berunsur keagamaan dan ilmiah menunjukkan jumlah yang sangat rendah dilayari. Dapatkan ini selaras dengan kajian Ab Halim Tamuri; Zarin Ismail (2009) dan Ruzy Suliza Hashim (2012), yang mengulas bahawa minat remaja kepada kandungan bahan media massa lebih tertumpu kepada bahan berbentuk hiburan. Kajian Abdullah Sulong dan Mawaddah Abdullah juga menyatakan media elektronik memberikan kesan yang besar terhadap keruntuhan akhlak remaja berikutan lambakan bahan picisan.

Walaupun, dapatkan kajian ini menunjukkan peratusan responden yang terlibat dalam horoskop melalui laman sosial adalah rendah namun, perkara ini tidak boleh dibiarkan berikutan semakin hari semakin meningkat aplikasi-aplikasi berbentuk ramalan dan tilikan nasib daripada pelbagai sudut kehidupan di dalam laman-laman sosial. Kekerapan para responden melayari laman sosial akan meningkatkan kemungkinan untuk terlibat dalam aplikasi-aplikasi ini. Contohnya, seperti peratusan kegembiraan anda, pekerjaan yang sesuai, kadar cinta dan sebagainya. Aplikasi-aplikasi begini mendapat sambutan pengguna laman sosial tanpa mengira usia.

Medium seterusnya adalah televisyen (tv), walaupun dapatkan kajian menunjukkan peratusan pengetahuan responden tentang horoskop melalui televisyen adalah berada pada tahap yang rendah, namun perkara ini tidak boleh dipandang remeh. Larking (1996), telah membincangkan bagaimana televisyen mempengaruhi perkembangan kehidupan seorang pelajar. Menurut beliau, televisyen boleh menjadikan seseorang pasif dengan berlindung disebalik hiburan-hiburan yang ditayangkan. Tambah-

beliau lagi, penyalahgunaan televisyen boleh memberikan kesan negatif kepada generasi muda kerana ia boleh menyimpangkan mereka daripada realiti kehidupan yang sebenar dan menjadikan seseorang itu “hamba” kepada televisyen.

Dasarnya, media massa mampu memberikan kesan positif dan negatif dalam membentuk diri remaja, namun apa yang membimbangkan dewasa ini adalah kerana banyaknya unsur-unsur negatif yang ditayangkan dan dihidangkan sebagai santapan kepada masyarakat. Keadaan ini menyumbang kepada pelbagai gejala negatif dan buruk serta membentuk fikrah yang kurang sihat dalam kalangan masyarakat terutamanya remaja yang masih mencari-cari matlamat dan tujuan kehidupan mereka. Menurut Mansor Ahmad Saman (1984), media massa dianggap sebagai sesuatu yang amat berpengaruh dan berkesan. Mereka yang mengendalikan media massa dianggap mempunyai kuasa yang kuat dan luas dalam mempengaruhi masyarakat dalam melakukan sesuatu atau tidak melakukan sesuatu.

Maka, dapat disimpulkan bahawa media massa itu mampu memberi sumbangan positif dan negatif dalam diri seseorang. Justeru, perlunya ada tapisan dan kawalan dalam setiap intipati yang akan disiarkan dan disebarluaskan dalam kalangan masyarakat.

KESAN HOROSKOP TERHADAP AKIDAH

Horoskop merupakan wabak serta penyakit yang menjelaskan mutu dan kualiti kehidupan seseorang bahkan lebih parah lagi horoskop secara tidak langsung mengancam dan memusnahkan akidah seorang Muslim. Horoskop umpsama saham yang terus-terusan menyumbang dosa dalam catatan amalan kita. Imam Bukhari di dalam sahihnya menukilkan *athar* daripada Imam Qatadah RA yang bermaksud:

Allah menjadikan bintang untuk tiga tujuan iaitu: penghias langit, perejam syaitan dan tanda bagi orang yang berpetunjuk dengannya. Dan barang siapa yang mentakwilkan kepada selain tersebut maka dia telah melakukan kesalahan dan menyia-nyiakan usahanya serta membebankan dirinya dengan apa yang dia tidak ketahui (Al-Bukhari, Muhammad bin Isma'il Abu Abdullah al-Bukhari, *Sahih Bukhari*, Kitab Bada'ul Khalq, Bab Fi Nujum).

Hukum Hadis: Riwayat ini adalah *athar* daripada Qatadah dan riwayat ini dinukil secara *mu'allaq* oleh Bukhari melalui sanad yang bersambung oleh Abd bin Humaid dari Syaiban.

Berdasarkan *athar* daripada Imam Qatadah ini, dapat kita fahami bahawa bintang juga merupakan

makhluk ciptaan Allah SWT yang mempunyai hikmah dan peranannya yang tersendiri sepetimana yang telah ditetapkan oleh Allah SWT. Bintang tidak mempunyai kuasa untuk meramal dan menentukan baik buruk kehidupan manusia. Di dalam sepotong hadis Nabi SAW menjelaskan:

Barang siapa mempelajari ilmu nujum, maka dia telah mempelajari cabang dari sihir, bertambahlah sihirnya dengan bertambah ilmunya (Abi Daud, Abi Daud Sulaiman bin al-As'ath bin Ishak, *Sunan Abi Daud, Kitab Thib*, Bab Fi Al-Nujum, No 3905. Ibnu Majah, Ibnu Majah Abu 'Abdullah Muhammad bin Yazid al-Qazwini, *Sunan Ibnu Majah*, Kitab Adab, Bab Ta'lam Nujum. Ahmad bin Hanbal, Abu 'Abdullah Ahmad bin Muhammad bin Hanbal bin Hilal bin Asad al-Syaibaani, *Musnad Imam Ahmad bin Hanbal*, Musnad 'Abdullah Bin 'Abbas Bin 'Abd Muthalib, No 2840. Al-Baihaqi, Ahmad bin al-Husain bin 'Ali bin Musa, *Al-Adab Lil Baihaqi*, Bab Karahiah Iqtibas 'Ilmu Nujum Wa Ityan, No 342. al-Baihaqi, Ahmad bin al-Husain bin 'Ali bin Musa, *Sunan Kubra Lil Baihaqi*, Bab Ma Jaa' Fi Karahiah Iqtibas 'Ilmu Nujum, No 16513. Abi Syaibah, Abu Bakr bin Abi Syaibah, *Musnaf Fil Ahadith Wal Athar*, Fi Ta'lum Nujum Ma Qalu Fiha, No. 25646).

Nabi Muhammad SAW menyamakan ilmu nujum (horoskop) dengan ilmu sihir kerana ianya mencemari kesucian nas al-Quran. Semakin seseorang menambah ilmu nujumnya maka semakin bertambahlah dosanya, semakin bernyala-nyalah api neraka untuknya (Ali Murtadha As-Sayyid 2005). Ahli nujum adalah bomoh, bomoh adalah tukang sihir dan sihir adalah kufur. Hakikatnya, para dukun, bomoh, tukang tilik dan peramal itu adalah berdusta, mereka mengadakan sesuatu cerita dan melebih-lebih dalam menyampaikan sesuatu yang mereka tidak tahu.

Walau bagaimanapun, sebahagian besar daripada umat Islam menganggap horoskop sebagai bacaan sampingan, selaras dengan dapatan kajian yang membuktikan bahawa para remaja terhibur dan seronok membaca horoskop tanpa niat untuk mempercayainya. Nabi SAW bersabda:

Barang siapa yang berjumpa dengan tukang tilik lalu dia bertanya kepadanya tentang sesuatu, maka sembahyangnya tidak diterima selama empat puluh malam (Muslim, Muslim bin al-Hajjaj Abu al-Hasan al-Qushairi al-Naisaburi, *Sahih Muslim*, Kitab Salam, Bab Tahrim Ityan Al-Kahanah, no 9291. Abu Muhammad 'Abdullah bin Wahab bin Muslim al-Misri al-Qursyi, *Jami' Ibn Wahab*, Fi Tamaim Wa Taul Wa Nufus, No 683. 'Ali bin al-Ja'd bin 'Abid al-Jauhari al-Baghadi, *Musnad Ibn Al-Ja'd*, Min Hadith Abi Ishak, No 425. Abu Ya'qub Ishak bin Ibrahim, *Musnad Ishak Bin Rahwiyah*, Ma Yarwi Min Muhammad Bin Qais Wa Ghairuhu, No 503. Ahmad bin Hanbal, Abu 'Abdullah Ahmad bin Muhammad bin Hanbal bin Hilal bin Asad al-Syaibaani, *Musnad Ahmad*, Musnad Abi Hurairah

r.a, No 9291. Abu Ya'la Ahmad bin 'Ali, *Musnad Abi Ya'la Al-Mausuli*, Musnad 'Abdullah bin Mas'ud, No 5408. al-Baihaqi, Ahmad bin al-Husain bin 'Ali bin Musa, *Sunan Al-Kubra Lil Baihaqi*, Bab Takfir Al-Sahir Wa Qatlahu In Kana Ma Yushar, No. 16496).

Mafhum hadis menunjukkan bahawasanya, berjumpa tukang tilik adalah salah dan menyebabkan solat seseorang itu tidak diterima selama empat puluh hari. Imam Nawawi menjelaskan maksud tidak diterima solatnya selama empat puluh hari adalah, orang tersebut tidak mendapat pahala bagi solat yang didirikannya. Namun solat yang dilakukannya tetap dianggap dapat menggugurkan kewajipan solatnya dan tidak perlu untuk mengulanginya.

Menurut al-Baghawi (1983) pula, dukun ialah mereka yang mendakwa mengetahui sebab-sebab bagi setiap kejadian. Contohnya, mereka mengetahui siapa yang mencuri, boleh mencari barang yang hilang dan sebagainya. Sebahagian ulama berpendapat jika mendatangi tukang tilik atau dukun dengan tujuan membongkar kebatilan mereka adalah dibolehkan. Walaupun hadis di atas menjelaskan tentang hukum berjumpa tukang tilik, namun Mohd Nidzam (2009) dan Zaharuddin (2007) menjelaskan bahawasanya horoskop merupakan tukang tilik zaman moden yang tidak memerlukan seseorang pergi berjumpa bomoh. Di dalam hadis lain, Nabi SAW bersabda:

Daripada Aisyah, aku pernah berkata: wahai Rasulullah, sesungguhnya beberapa orang dukun pernah menceritakan sesuatu kepada kami dan kami rasa apa yang mereka ceritakan itu benar adanya. Rasulullah SAW bersabda, kalimat yang benar itu memang sengaja disambut dengan cepat oleh jin lalu dilemparkan ke telinga walinya, tetapi di dalamnya sudah dia tambahi dengan seratus kedustaan (Imam Muslim, Muslim bin al-Hajjaj Abu al-Hasan al-Qushairi al-Naisaburi, *Sahih Muslim*, Kitab Salam, Bab Tahrim Al-Kahanah Wa Ityan Kahan, No 2228. al-Baihaqi, Ahmad bin al-Husain bin 'Ali bin Musa, *Sunan Al-Kubra Li Al-Baihaqi*, Bab Ma Jaa' Fi Nahaa 'Anil Kahanah Wa Ityan, No. 16511).

Al-Baghawi (1983), menjelaskan bahawa jin mengambil dan mencuri dengan cepat berita di langit. Sesungguhnya jin-jin apabila mencuri dengar berita mereka akan menyampaikan berita yang batil dan tipu kepada wali mereka, adapun dari apa yang disampaikan jika ada yang benar itu hanya satu selebihnya semuanya dusta. Selain itu, Nabi SAW menjelaskan di dalam suatu hadis tentang kekufuran umatnya:

Rasulullah SAW solat mengimami kami pada solat subuh di Hudaiyah setelah pada malamnya turun hujan. Ketika Nabi SAW menghadap kepada manusia dan bersabda, "Apakah kalian tahu apa yang difirmankan oleh Tuhan kalian?" mereka berkata, "Allah dan Rasul-

Nya lebih mengetahui". Baginda bersabda, "di pagi hari di antara hambaKu ada yang beriman kepadaKu dan ada yang kafir (ingkar). Adapun orang yang mengatakan kami diberi hujan kerana kurnia Allah dan rahmat-Nya, maka ia adalah orang yang beriman kepadaKu dan kafir terhadap bintang. Sedangkan orang yang mengatakan kami diberi hujan kerana terbenamnya bintang ini dan ini, maka ia adalah orang yang kafir kepadaKu dan beriman kepada bintang (al-Bukhari, Muhammad bin Isma'il Abu 'Abdullah al-Bukhari, *Sahih Bukhari*, Yustaqbali Imam Annas Iza Sallam, No 846. *Sahih Bukhari*, Bab Qaulullah Ta'ala Wa Taj'aluna Rizqakum, No 1038. *Sahih Bukhari*, Bab Ghazwat Al-Hudaibiyah, No 4147. Muslim, Muslim bin al-Hajjaj Abu al-Hasan al-Qushairi al-Naisaburi, *Sahih Muslim*, Bab Bayan Al-Kufr Man Qala Muthrina Binau', No 125. Abi Daud, Abi Daud Sulaiman bin al-As'ath bin Ishak, *Sunan Abi Daud*, Bab Fi Nujum, No 3906. Imam Malik, Malik bin Annas bin Malik bin 'Amir al-Asbah, *Muwaththa'* Imam Malik, Ma Jaa' Fi Al-Istimthar Bi Al-Nujum. Ibnu Hibban, Muhammad bin Hibban bin Ahmad bin Hibban bin Mu'adz, *Sahih Ibnu Hibban*, Zakara Al-Bayan Bi Anna al-'Arab Fi Lughatuhu Tadhif, No 188. al-Baihaqi, Ahmad bin al-Husain bin 'Ali bin Musa, *Sunan Kubra Lil Baihaqi*, Bab Al-Imam Yuqbalu 'Alannas Biwajhi Iza, No. 3030).

Hadis riwayat Ibnu 'Abbas ini menjelaskan tentang kekufturan manusia terhadap nikmat dan rezeki yang diberikan oleh Allah SWT dengan mempercayai bintang. Al-Thabari berpendapat, bahawa manusia menjadikan rezeki yang harus disyukuri itu untuk mendustakan Allah. Sebahagian ulama berpendapat maksud kafir adalah kafir syirik kerana kata "kafir" disebutkan berlawanan dengan kata iman. Sebahagian ulama yang lain pula mentakwilkannya sebagai kufur nikmat. Manakala, Imam al-Syafi'i di dalam kitab *al-Umm* berkata: "Barang siapa berkata bahawa kami diberi hujan kerana terbenamnya bintang ini dan itu, sebagaimana dimaksudkan oleh sebahagian orang musyrik yang menisahkan hujan kepada terbenamnya bintang tertentu (menjadikan bintang sebab turunnya hujan), maka sungguh dia telah kafir.

Masa depan dan perjalanan hidup setiap insan bermula dari saat kelahiran hingga kematiannya adalah perkara ghaib yang menjadi rahsia Allah SWT sahaja, tidak ada seorang makhluk pun yang dapat meramal masa depan mereka. Allah SWT berfirman di dalam surah al-Naml yang bermaksud:

Katakanlah (wahai Muhammad kepada umatmu) tiada siapa pun di atas muka bumi atau di langit yang mengetahui perkara ghaib kecuali Allah SWT (al-Quran, al-Naml 27: 65).

Dalam mentafsirkan ayat daripada surah al-Naml ini, al-Tabari di dalam tafsirnya menukilkan

bahawasanya, A'isyah RA telah berkata: barang siapa yang mendakwa dan menghabarkan kepada manusia tentang apa yang akan berlaku pada hari esok, dia telah melakukan pembohongan yang besar terhadap Allah SWT. Ayat suci al-Quran di atas membuktikan lagi bahawasanya segala sesuatu yang diramal adalah dusta dan berdosa hukumnya kerana menyalahi norma kehidupan serta bertentangan dengan aturan Allah SWT ke atas makhluknya. Tambahan pula, perkara ghaib adalah perkara yang berada di luar kemampuan makhluk serta merupakan rahsia Allahu Khaliq sahaja. Barang siapa mengakui mengetahui perkara ghaib, maka dia adalah golongan yang rugi kerana menentang kuasa Allah SWT.

Dalam ayat lain Allah SWT berfirman yang bermaksud:

Sesungguhnya Allah tidak mengampuni dosa mempersekuat (sesuatu) dengan Dia, dan Dia mengampuni dosa yang selain syirik bagi siapa yang dikehendaki-Nya, barang siapa yang mempersekuat (sesuatu) dengan Allah, Maka Sesungguhnya ia telah tersesat sejauh-jauhnya (al-Quran, Al-Nisa' 4: 116)

Ayat 116 daripada Surah Al-Nisa' ini menjelaskan tentang hukum syirik. Al-Tabari di dalam tafsirnya berkata, sesungguhnya Allah SWT mengampunkan semua dosa-dosa hambanya kecuali dosa syirik, dan jika seseorang itu mati dalam kesyirikan maka dia dalam keadaan berdosa besar dengan mengkhianati dan berbuat maksiat kepada Allah. Sesungguhnya di dalam al-Quran terdapat banyak ayat-ayat yang mengecam dan melaknat perbuatan syirik dan hukuman bagi orang syirik adalah tidak terperi azab seksanya. Muhammad bin Abdurrahman berkata bahawasanya syirik akan menjadikan seseorang takut kerana tiada lagi kebergantungan kepada Allah SWT menyebabkan dia gelisah dalam banyak urusan kehidupannya. Syirik juga merupakan suatu bentuk kezaliman kepada jiwa kerana ia menghalang rasa kesenangan dan kenikmatan tauhid dalam kehidupan.

Berdasarkan hadis dan nas al-Quran yang telah dibincangkan jelas menunjukkan bahawasanya horoskop merupakan perkara yang ditegah dan dilarang dalam Islam serta menyalahi fitrah makhluk ciptaan Allah SWT. Thabit di dalam hadis Nabi SAW bahawasanya tilikan, ramalan dan mempercayai bintang itu adalah perkara yang sia-sia serta syirik hukumnya. Horoskop termasuk di dalam tilikan dan ramalan nasib dan horoskop juga merupakan kepercayaan yang berteraskan bintang. Membaca horoskop walaupun sebagai hiburan haram hukumnya apa lagi mempelajari dan mempercayainya. Allah SWT juga telah berfirman

bahawa dosa syirik adalah dosa yang tidak mendapat keampunan-Nya. Horoskop bukan sahaja merosakkan akidah seseorang bahkan memberi kesan dalam pembentukan peribadi, akhlak dan fikrah seseorang. Jika asasnya sudah terpesong dan tersasar jauh daripada keyakinan kepada Allah sudah tentu isinya tidak mempunyai apa-apa makna lagi.

KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, hasil kajian menunjukkan media massa merupakan faktor utama yang mendorong penglibatan para remaja dalam aktiviti horoskop sama ada melalui media cetak seperti akhbar, majalah ataupun media elektronik seperti internet dan televisyen. Majalah Remaja merupakan medium penting dalam penyebaran horoskop, manakala akhbar News Strait Time juga merupakan penyumbang dalam penglibatan remaja dalam horoskop. Selain itu, horoskop dianggap sebagai wadah hiburan dan bacaan ringan sahaja kerana kurangnya pendedahan dan penjelasan tentang bahaya horoskop.

Islam yang suci tahu bahawa manusia amat gusar tentang perjalanan masa hadapan mereka, bimbang terhadap kejadian mendatang. Maka dengan itu Islam telah mengajar begitu banyak tawakal dan doa-doa bagi mengharungi cabaran dan ujian dalam kehidupan ini. Setiap manusia seharusnya bergantung sepenuhnya kepada Tuhan mereka iaitu Allah dengan bermohon agar menguasai segala urusan.

Selain itu, selaku agama yang sempurna Islam telah memberikan panduan kepada penganutnya agar membuat solat istikhara apabila berhadapan dengan pemilihan yang tidak pasti Islam juga mengajar kita untuk beristikharah sebelum memilih atau memutuskan sesuatu perkara. Walaupun wahyu sudah terputus dan ramalan nasib dilarang namun hubungan rohani antara insan dan Tuhan yang menguasai segala urusan terus terbuka. Sesungguhnya istikhara itu lebih mendamaikan perasaan dan memberi harapan yang penuh dengan keimanan. Demikianlah gantian yang Islam berikan lebih bermakna dari segala amalan khurafat.

Maka, dapatlah difahami bahwasanya jika nasib itu boleh diramal dan tuah dan bahaya itu boleh

dicapai dan ditolak oleh seorang peramal nasib, carta horoskop atau bomoh sudah pastilah nasib tukang ramal sentiasa dalam keadaan baik. Namun malang sekali kerana tuah dan nasib mereka juga menjadi taruhan dan tanda tanya yang tidak berkesudahan dalam benak mereka.

RUJUKAN

- Al-Quran.
- Abdul Halim Tamuri & Zarin bin Ismail. 2009. *Pengaruh Media Massa terhadap Pengangan Nilai Akhlak Remaja: Kajian ke Atas Fakir Miskin di Kawasan Luar Bandar*. Universiti Kebangsaan Malaysia. Bangi: Selangor.
- Ali Murtadha As-Sayyid. 2005. *Bagaimana Menolak Sihir & Kesurupan Jin*. Gema Insani. Jakarta.
- Allum, N. 2011. *What Makes Some People Think Astrology is Scientific*. Science Communication: SAGE Publication.
- Al-Baghawi, Abu Muhammad Husain Bin Mas'ud Bin Muhammad Bin Al-Fara' Al-Baghawi. 1983. *Syarah Sunnah Lil Baghawi*. Kitab Thibb Wa Ruqya, Bab Al-Kahanah. Maktabah Al-Islami: Damsyik.
- Berita Harian. t.th. *Kurang Akidah: Jahil Punca Umat Islam Mudah Terpesong*. [Http://www.bhariani.com.my/bhariani/articles/TafsirAyat_Kurangakidah_jahilpuncaumatIslammuhterpesong/Article/print_html](http://www.bhariani.com.my/bhariani/articles/TafsirAyat_Kurangakidah_jahilpuncaumatIslammuhterpesong/Article/print_html). [12/11/2011].
- Fox, E.R.W. 1987. *Fear of The Unknown*. West Journal of Medicine: United States.
- Green, L.K. 1975. *The Astrologer's Manual*. Arco Publishing Company: United States Of America.
- Mohd Nidzam Abd Kadir. 2010. *Horoskop dan Kaitannya dengan Akidah*. Solusi. Telaga Biru: Kuala Lumpur.
- Noraishah P.Othman. 2012. Persepsi Pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Kangkar Pulai Johor Terhadap Horoskop. Universiti Kebangsaan Malaysia. Bangi. Selangor.

Aishah P Othman
Latifah Abdul Majid
Jabatan Pengajian al-Quran dan al-Sunnah
Fakulti Pengajian Islam
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600 UKM Bangi
Selangor D.E.
MALAYSIA